

CNS9662

U GB 30-05 00160 BA442

bah

Mahathir-Kaamatan

BN GALAK PENYERTAAN SEMUA KAUM DALAM PEMERINTAHAN

KOTA KINABALU, 30 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sistem pemerintahan Barisan Nasional (BN) menggalakkan penyertaan semua kaum tanpa mengira budaya dan agama untuk menentukan haluan negara.

Perdana Menteri berkata penyertaan semua dalam pemerintahan negara merupakan asas kepada kerajaan BN.

"Kerajaan BN tidak utamakan satu kaum. Sistem BN adalah sistem yang mustajab dan menimbulkan perasaan bahawa masing-masing mempunyai peranan dalam negara ini," katanya semasa merasmikan Pesta Kaamatan (Pesta Menuai) anjuran Jawatankuasa Petugas Khas Kadazan, Dusun, Murut (KDM) Umno Sabah di Dewan Persatuan Foo Chow di sini.

Pesta Menuai diadakan pada setiap bulan Mei bagi menandakan berakhirnya musim menuai.

Dr Mahathir berkata penyertaan dan kerjasama semua kaum dalam BN telah membantu menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman dan maju sehingga mendapat pengiktirafan dunia.

Katanya, kerajaan memberi pertimbangan yang sama kepada semua. -- Lagi

▼30/05/16-47MST

CNS9683

U GB 30-05 00155 BA447

bah

Mahathir-Kaamatan 2 Kota Kinabalu

Menurutnya, kabinet kerajaan pusat juga mempunyai wakil-wakil daripada pelbagai suku kaum di negara ini kecuali suku kaum yang kecil.

Dr Mahathir berkata rakyat asing ingin tahu bagaimana penduduk berbilang kaum dapat hidup bersama di Malaysia dan jawapannya ialah kerana negara ini mempunyai sistem pemerintahan yang semua kaum dapat menyumbang peranan masing-masing.

"Kita beri layanan yang sama. Hanya di Sabah, yang malangnya rakyat tersalah pilih PBS (Parti Bersatu Sabah) yang berunsurkan perkauman yang kononnya memperjuangkan Sabah untuk orang Sabah," katanya.

Menurutnya, pemimpin PBS memilih untuk mengasingkan diri daripada BN supaya tidak ada yang akan memerhatikan penyelewengannya.

"Mereka boleh terlepas daripada penipuan mereka. Mereka suka kalau boleh dipisahkan daripada kerajaan pusat dan memerintah Sabah untuk diri mereka sahaja," katanya.

Perdana Menteri juga berkata perayaan kaum seperti Pesta Kaamatan (Menuai) di Sabah boleh menggalakkan perpaduan seluruh rakyat Malaysia. --
Lagi

▼30/05/17-49MST

CNS9686

U GB 30-05 00153 BA448

bah

Mahathir-Kaamatan 3 Kota Kinabalu

Katanya, sikap toleransi dan bersatu hati antara penduduk di tempat berasingan juga menggalakkan amalan bantu membantu apabila suatu kumpulan memerlukan bantuan.

"Sebab itu apabila Sabah menjadi sebahagian daripada Malaysia, ia turut mendapat hak bantuan daripada seluruh negara. Kalau keadaan bekalan makanan di Sabah tidak mencukupi, maka sudah tentu kita akan bawa bekalan dari negeri lain sebagai satu cara tolong-menolong," katanya.

Katanya, walaupun Pesta Kaamatan diadakan khusus bagi kaum Kadazan, Dusun dan Murut, ia patut dirayakan bersama dengan kaum lain yang terdapat di negara ini.

"Tradisi di Malaysia ialah apa jua perayaan akan disertai kaum yang lain. Kita galakkan rakyat bersikap toleransi dengan semua walaupun cara hidup mereka tidak sama," katanya.

Beliau berkata walaupun perayaan Hari Raya Aidiladha akan disambut oleh umat Islam esok, ia tidak bermakna kaum lain tidak boleh mengunjungi rumah orang Islam. -- Lagi

▼30/05/17-52MST

CNS9688

U GB 30-05 00138 BA449

bah

Mahathir-Kaamatan 4 (Akhir) Kota Kinabalu

Beliau berharap semangat perpaduan yang ditunjukkan pada sesuatu perayaan akan mewujudkan semangat persahabatan dan integrasi.

"Sikap kita yang toleran dan tidak mahu bermusuhan membuatkan kita terus aman dan maju," katanya.

Selepas itu, Perdana Menteri melakukan upacara menuai padi dan memukul gong sebagai menandakan permulaan pesta. Persembahan kebudayaan pelbagai kaum di Sabah dan pertandingan "Unduk Ngadau" (Ratu Cantik) diadakan.

Dr Siti Hasmah Mohd Ali hadir sama.

Pagi tadi, Ketua Menteri Datuk Joseph Pairin Kitingan melancarkan perayaan Pesta Menuai peringkat negeri di Dewan Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun di Penampang dekat sini.

Dalam ucapannya, Pairin berkata perayaan Pesta Menuai kini bukan lagi terhad kepada masyarakat Kadazan dan Dusun tetapi turut dirayakan oleh semua kaum di Sabah. -- Bernama

JS MOK MIB

••30/05/17-54MST